

PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA NC BERUBAH WAJAH

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 13 Oktober 2010 18:41

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

13 OKTOBER 2010 / 5 ZULKAEDAH 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Zamarizul Salleh

PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA NC BERUBAH WAJAH



UUM ONLINE: Perhimpunan bulanan bersama Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) mulai bulan ini berubah wajah dengan mengambil pendekatan untuk menyampaikan maklumat terus kepada kumpulan sasaran.

Naib Canselor Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pembahagian kepada empat kumpulan iaitu Kolej UUM CAS, UUM COB, UUM COLGIS dan Pentadbiran ini dilihat dapat memberi pendekatan baru dan mengeratkan lagi hubungan antara mereka.

"Pihak Jawatankuasa Pengurusan melihat perhimpunan yang berkonsepkan pengucapan dan penyampaian maklumat terkini untuk kumpulan mengikut kolej dan pentadbiran ini lebih tepat serta mesra kerana kakitangan yang menyertai adalah dari kumpulan yang sama," kata beliau ketika berucap di perhimpunan bulanan pertama bersama Kolej UUM CAS pagi tadi.

Beliau berkata, perhimpunan dari kumpulan yang sama ini juga dilihat lebih bermakna kerana segala maklumat atau isu-isu berkaitan dan permasalahan serta cadangan mudah disampaikan.

Dalam pada itu beliau juga mengambil pendekatan untuk mendengar semua pandangan baik dari kakitangan akademik, pentadbiran dan sokongan.

"Saya melihat hubungan dua hala ini dapat memberi faedah bersama sebelum sesuatu keputusan dilakukan oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan universiti," ujar beliau lagi.

Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak yang turut menyertai senam robik selepas menyampaikan ucapan kepada lebih 300 warga UUM CAS berkata, perbezaan pendapat adalah perkara biasa dan pendekatan terbaik selalunya dapat dicapai apabila kedua pihak dapat bersemuka.

Dalam pada itu Penolong Naib Canselor UUM CAS Prof. Madya Dr. Suhaidi Hassan yang ditemui berkata, perhimpunan yang diadakan pagi ini menunjukkan keberkesanan kerana dapat menyampaikan amanat kepada kumpulan sasaran.